

Inovasi elemen penting perniagaan

Generasi muda yang menjalankan perniagaan kini dilihat semakin kreatif dalam memasarkan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.

Kreativiti dan inovasi penting bagi memastikan kelangsungan sesebuah perniagaan itu kekal dalam jangka masa panjang.

Timbalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Azmawani Abd. Rahman berkata, sesebuah perniagaan haruslah sentiasa kreatif dan inovatif untuk terus kekal relevan. Menurutnya, perubahan perlu sentiasa berlaku termasuklah dalam perniagaan.

“Jika sesebuah perniagaan itu kurang inovatif, ia akan ketinggalan dan sukar untuk bersaing.

“Kuasa menarik pelanggan untuk mencuba sesuatu produk atau perkhidmatan juga bergantung kepada kreativiti peniaga itu sendiri. Misalnya, pengusaha kafe perlu inovatif dalam melakukan dekorasi, cara bungkusan, menu dan sebagainya,” katanya.

Tambah beliau, kreativiti dan inovasi ini tiada jangka masa khusus, sebaliknya

ia sentiasa berterusan. Ini kerana kehendak pelanggan sentiasa berubah dan suka terhadap sesuatu yang baharu terutamanya apabila mereka terdedah dengan kemajuan teknologi maklumat.

“Sehubungan itu, pelanggan sentiasa terdedah dengan produk-produk menarik di luar negara terutamanya dari segi keunikan sesuatu makanan dan sebagainya. Tidak salah untuk melakukan inovasi yang penting ia sesuai dengan cita rasa masyarakat kita,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Beliau memberitahu, generasi muda yang terdedah dengan latihan asas keusahawanan dilihat semakin kreatif dan inovatif dalam melakukan penjenamaan terhadap produk mereka.

Bagi mengekalkan kelangsungan sesebuah perniagaan terutamanya yang berasaskan makanan, peniaga perlu menitikberatkan kualiti makanan, kebersihan dan layanan yang baik.

“Walaupun hiasan dalaman sesebuah kafe itu cantik, tetapi jika kualiti makanan rendah dan layanan kurang mesra, ia menyebabkan sesebuah perniagaan itu tidak mampu bertahan lama.



AZMAWANI